

8 Januari 2006

Petikan dari Utusan Malaysia

Kementerian, CIDB bincang kes cuai

Oleh: HERMAN HAMID

PASIR MAS 7 Jan. - Kementerian Sumber Manusia akan mengadakan pertemuan dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk berbincang mengenai kes-kes kecuai yang berlaku di tapak pembinaan minggu depan.

Menterinya, Datuk Dr. Fong Chan Onn berkata, pertemuan yang akan diadakan dalam masa terdekat ini juga akan membolehkan beliau mengetahui secara lebih terperinci mengenai kedudukan kes-kes tersebut.

``Kalau siasatan memerlukan CIDB ambil tindakan, CIDB patut ambil tindakan kerana mereka mempunyai kuasa untuk membatalkan projek dan sebagainya.

``Jadi saya akan berbincang dengan CIDB mengenai hal ini, bagaimana atau kenapa ia berlaku," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa MCA negeri di sini semalam.

Chan Onn yang juga Pengerusi MCA Kelantan diminta mengulas pendedahan Utusan Malaysia mengenai kewujudan 700 kes kecuai di tapak pembinaan termasuk 150 kes berprofil tinggi melibatkan kesalahan berat dilaporkan sejak tiga tahun lepas yang kini dalam siasatan CIDB.

Pendedahan mengejutkan itu menimbulkan persoalan kenapa pihak terlibat tidak mengambil tindakan tegas sebagaimana sepatutnya sehingga berlaku insiden yang meragut nyawa seorang perunding syarikat di Sri Hartamas, baru-baru ini.

Dalam kejadian itu, Dr. Liew Boon Horng maut manakala isterinya, Loy Ai Lan dan pemandunya Ahmad Harun Jajuli cedera akibat tersepit dalam kenderaan yang dinaiki.

Konkrit simen seberat kira-kira dua tan itu jatuh tepat di atas kereta Boon Horng dari tingkat 20 kondominium yang dalam pembinaan.

Bercakap mengenai perkara itu, Chan Onn berkata, kementeriannya mempunyai pendirian tegas dalam hal berkenaan dengan setiap syarikat yang melakukan kesalahan, akan dihukum.

``Kita memang sudah memutuskan, kalau syarikat itu dikeluarkan notis ketiga, kita akan bawa kontraktor itu ke muka pengadilan.

``Ini satu tindakan yang tegas dan ia juga sebagai amaran kepada kontraktor yang lain untuk patuh pada peraturan yang ditetapkan.

``Malah kalau mereka langgar syarat secara ketara pada kesalahan pertama, kita juga akan bawa mereka ke mahkamah," katanya.